

Perdana Menteri puas hati inisiatif Teraju langkau sasaran bantu Bumiputera

RM13 bilion peluang niaga

PUTRAJAYA – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, peluang perniagaan berjumlah kira-kira RM13 bilion telah dijana untuk manfaat Bumiputera menerusi inisiatif yang dilancarkan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju).

Perdana Menteri berkata, inisiatif yang dilancarkan Teraju, yang ditubuhkan Februari lepas, berpandukan kepada hala tuju transformasi ekonomi Bumiputera yang diumumkan kerajaan sebelum ini.

Antara inisiatif yang menyumbang kepada jumlah itu ialah melalui dasar untuk memberi peluang secara *carve out* kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang terlibat dalam projek Transit Pantas Massa (MRT) melalui MRT Corporation Sdn. Bhd.

“Sehingga kini, 47 peratus daripada jumlah pakej ditawarkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera iaitu melebihi sasaran 43 peratus yang ditetapkan,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat ketiga Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) di sini semalam.

Najib berjaya, mengikut unjuran ketika ini, jumlah keseluruhan pakej itu bernilai RM9.3 bilion yang menyaksikan melangkaui sasaran RM8.5 bilion.

Menurutnya, kerajaan berpuas hati dengan jumlah itu, bukan sahaja daripada segi jumlah besar yang berjaya diagih tetapi juga daripada segi proses penentuan syarikat-syarikat berkenaan yang dibuat dengan cara yang begitu telus berdasarkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang ter-



NAJIB (empat dari kanan) mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Agenda Bumiputera di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam. Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (empat dari kiri).

baik.

“Proses ini dilakukan berdasarkan kepada merit dan tidak memberi kelebihan kepada mana-mana syarikat melainkan kriteria kemampuan dan kebolehan syarikat tersebut,” katanya.

Sementara itu, Najib berkata, mesyuarat MTAB juga meluluskan 20 buah lagi syarikat yang layak untuk program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (Teras) yang merupakan satu lagi program perdana Teraju menjadikan jumlahnya kini 150 buah.

“Melalui inisiatif ini, kita dapati bahawa jumlah modal berbayar ialah kira-kira RMI bilion dan perolehan keseluruhan RM7.9 bilion. Ini bererti syarikat-syarikat Teras ini mempunyai potensi berkembang dan mampu ber-

saing untuk mendapatkan kerja-kerja daripada sektor awam,” katanya.

Perdana Menteri seterusnya mengumumkan keputusan mesyuarat melanjutkan tempoh Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) di bawah kelolaan Prokhas untuk setahun lagi di mana dana RM930 juta yang belum digunakan lagi oleh syarikat-syarikat Bumiputera akan diperuntukkan sehingga 31 Disember 2013.

Walaupun skim jaminan itu pada mulanya hanya diperuntukkan kepada perniagaan kecil dan sederhana (PKS), namun kini, katanya, syarikat-syarikat teras bukan PKS yang lebih besar daripada itu juga layak untuk menyertai skim tersebut.

– Bernama